

NO. SOALAN : 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**(HULU LANGAT)**

**TARIKH JAWAPAN : 28.03.2018**

**SOALAN**

**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bagaimana Kementerian memanfaatkan produk biomass dalam menghasilkan campuran tenaga tambahan dalam negara.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mengenalpasti biojisim sebagai salah satu sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang telah dikuatkuasakan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011. Sumber utama biojisim yang telah dikenal pasti terdiri daripada sisa kelapa sawit dan sisa pepejal. Sumber ini berpotensi menjadi bahan bakar alternatif selain penggunaan bahan bakar fosil bagi penjanaan tenaga elektrik.
2. Antara langkah yang telah diperkenalkan Kerajaan bagi menggalakkan pembangunan loji penjanaan elektrik melalui sumber biojisim adalah melalui pemberian insentif tarif galakkan atau dengan izin, *Feed-in Tariff* (FiT) kepada para pengusaha projek. Mekanisme FiT ini membolehkan pengusaha projek loji janakuasa berasaskan biojisim menjana pendapatan melalui penjualan tenaga elektrik yang dihasilkan kepada syarikat utiliti, pada kadar premium di antara 26.87 hingga 30.85sen/kWj untuk tempoh 16 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Buat masa ini sebanyak 44 projek janakuasa berasaskan biojisim dengan kapasiti sebanyak 396.19MW telah diluluskan di bawah mekanisme FiT ini. Sekiranya mengambil kira projek-projek yang dibangunkan secara *off-grid*, sumber biojisim telah menyumbang sebanyak 2.33 peratus di dalam campuran kapasiti terpasang bekalan elektrik negara atau 783MW.

Sekian, terima kasih

.....